

# PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
No. 20, MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR  
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web: <http://www.lpp.gov.my>  
E-mail: [info@lpp.gov.my](mailto:info@lpp.gov.my)  
E-mail Bahagian: [lpphq\\_penyeliaan@lpp.gov.my](mailto:lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my)

TEL: 03-2610 9600

FAX: 03-2697 0872

BAHAGIAN PENYELIAAN TEL: 03-2610 9600

FAX: 03-2697 0872

Ruj. Tuan  
Ruj. Kami  
Tarikh

LPP(B) 5/6 Jld 7 (9)  
5 Februari 2015

Pengarah  
Lembaga Pertubuhan Peladang  
Negeri .....

Pengurus Besar  
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 3 TAHUN 2015  
KAEDAH TABUNG PROJEK PEMBANGUNAN (TANAMAN, TERNAKAN,  
AKUAKULTUR, PUSAT KHIDMAT SOKONGAN DAN PUSAT PEMROSESAN  
IAT)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama-sama ini disertakan Arahan Pendaftar Pertubuhan Peladang Bil. 3 Tahun 2015 – Kaedah Tabung Projek Pembangunan (Tanaman, Ternakan, Akuakultur, Pusat Khidmat Sokongan Dan Pusat Pemprosesan IAT) untuk perhatian dan tindakan Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan selanjutnya.

3. Sukacita dapat pihak Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan mencetak secukupnya untuk diedarkan kepada semua PP di bawah penyeliaan Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan.

4. Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkenaannya, sukacita menghubungi Cawangan Penyeliaan Pendaftaran dan Rekod, Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan, Ibu Pejabat LPP di talian 03-2610 9600.

Sekian, terima kasih.


2/...

Tema MAHA International dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2014

**“AGROTEKNOLOGI PEMANGKIN TRANSFORMASI”**

**“JIHAD MEMERANGI ORANG TENGAH”**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHAMMAD NAZZERI BIN RAMLI)**

Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan

b.p Pendaftar

Pertubuhan Peladang

s.k : Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan

Timbalan Ketua Pengarah Operasi

Pengarah Bahagian .....

Urusetia Ketua Pengarah .....

Pegawai Peladang Daerah.....

**ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG  
BILANGAN 3 TAHUN 2015**

**KAEDAH TABUNG PROJEK PEMBANGUNAN  
(TANAMAN, TERNAKAN, AKUAKULTUR, PUSAT KHIDMAT SOKONGAN  
DAN PUSAT PEMROSESAN INDUSTRI ASAS TANI)**

**1. TUJUAN**

Tujuan arahan ini dikeluarkan adalah untuk mewujudkan suatu tabung :-

- 1.1. Tabung Projek Pembangunan (TPP) Pertubuhan Peladang (PP) diwujudkan bertujuan mengumpul dana dan sumbangan-sumbangan lain untuk membiayai pembesaran, penambahbaikan dan penyelenggaraan serta menaik taraf projek-projek pembangunan bagi meningkatkan serta menyokong pengeluaran bahan makanan asas negara.
- 1.2. Ia tidak meliputi Tabung Kejenteraan Ladang yang telah diwujudkan dan diuruskan oleh Pertubuhan Peladang Negeri.

## **2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Projek Pembangunan LPP dalam RMK-10 melibatkan lima bidang utama yang terdiri daripada :
- i. Tanaman – Buah Buahan, Sayuran dan Padi
  - ii. Akuakultur
  - iii. Ternakan
  - iv. Pusat Khidmat Sokongan Pengeluaran  
(Pusat Pengumpulan/Belian)
  - v. Pusat Pemprosesan Industri Asas Tani (IAT)
- 2.2 Peruntukan yang diterima adalah dalam bentuk geran iaitu meliputi infrastruktur, peralatan dan input untuk pusingan pertama pengeluaran.
- 2.3 Projek Pembangunan dilaksanakan oleh PP melalui kaedah:
- i. Korporat
  - ii. Usahasama PP/usahawan/ahli/swasta
  - iii. Mini Estet

## **3. PUNCA DAN HAD KUASA**

### **3.1 Kuasa Diberi**

#### **3.1.1 Seksyen 6(1)(e) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109)**

Memperuntukan PP membangunkan aktiviti ekonomi dan sosial, dengan mengadakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan kredit bagi memulakan pelaburan dalam bidang pertanian dan ekonomi

### **3.1.2 Seksyen 6(3) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109)**

Menjelaskan bahawa Pendaftar diberi kuasa (melalui Peraturan PP) menetapkan syarat-syarat bagi tujuan pinjaman dan kredit oleh PP kepada ahli-ahli dan unit ahli.

## **3.2 Had Kuasa**

### **3.2.1 Peraturan 85 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983**

laitu Pendaftar boleh, jika difikirkan perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini.

### **3.2.2 Peraturan 66 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983**

Mengenai akaun-akaun untuk disimpan.

### **3.2.3 Perkara 20 Perlembagaan Pertubuhan Peladang**

Mengenai Penubuhan Kumpulan-Kumpulan Wang.

### **3.2.4 Perkara 70 Perlembagaan Pertubuhan Peladang**

Memperjelaskan mengenai keperluan mempunyai peraturan serta tatacara pengurusan kaedah tabung diperingkat PP.

#### 4. PERLAKSANAAN

- 4.1 Pemakaian Kaedah dan Manual Tabung Projek Pembangunan ini merangkumi projek pembangunan yang diluluskan mulai tahun 2014 yang melibatkan lima (5) bidang utama seperti di para 2.1.
- 4.2 Keuntungan bersih tahunan projek hendaklah diagihkan berdasarkan kaedah berikut :-
- a) Projek Korporat
    - i. 25% untuk Tabung Projek Pembangunan; dan
    - ii. 75% kepada PP
  
  - b) Projek Usahasama PP/usahawan/ahli/swasta
    - i. Minimum 15% untuk Tabung Projek Pembangunan; dan
    - ii. Baki 85% diagihkan kepada PP dan usahawan/ahli/swasta mengikut kadar yang dipersetujui dalam perjanjian
  
  - c) Projek Mini Estet
    - i. 25% untuk Tabung Projek Pembangunan; dan
    - ii. 75% untuk PP

## 5. PROSEDUR DAN PROSES PENDAFTARAN KAEDAH

- 5.1. Kaedah Tabung Projek Pembangunan (Tanaman, Ternakan, Akuakultur, Pusat Khidmat Sokongan dan Pusat Pemprosesan IAT) ini hendaklah dibincang dan dilulus oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah dan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa PP dan seterusnya dikemukakan kepada Pendaftar untuk didaftarkan.
- 5.2. Segala tatacara perakaunan mestilah menepati kod akaun, tajuk akaun dan catatan bergu yang terlibat. Senarai kod perakaun bagi setiap transaksi yang terlibat bagi Program Tabung Projek Pembangunan ini adalah merujuk kepada Manual Perakaunan PP.
- 5.3. Manual Perakaunan PP (2006) adalah manual terkini yang dikeluarkan melalui Arahan Pendaftar PP Bil. 4 Tahun 2006. PP diwajibkan melaksanakan semua tatacara perakaunan berpandukan manual ini.

## 6. TARIKH KUATKUASA

Arahan Pendaftar ini berkuatkuasa mulai .....<sup>16</sup>..... haribulan **Februari** tahun **Dua Ribu Lima Belas**

  
(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)  
Pendaftar  
Pertubuhan Peladang

**Kaedah dan Manual Tabung Projek Pembangunan  
(Tanaman, Ternakan, Akuakultur, Pusat Khidmat Sokongan dan  
Pusat Pemprosesan Industri Asas Tani)**

**KAEDAH DAN MANUAL TABUNG PROJEK PEMBANGUNAN  
( TANAMAN, TERNAKAN, AKUAKULTUR, PUSAT KHIDMAT SOKONGAN  
DAN PUSAT PEMROSESAN INDUSTRI ASAS TANI )**

**1. NAMA TABUNG**

Tabung ini dinamakan Tabung Projek Pembangunan (TPP) Pertubuhan Peladang (PP) ..... yang diwujudkan di bawah kuasa Perlembagaan PP setelah dipersetujui oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PP. Tabung ini berkuatkuasa pada tarikh ia didaftarkan oleh Pendaftar PP.

**2. TAFSIRAN**

- a) **“Akta”** maknanya Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- b) **“AJP”** maknanya Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang.
- c) **“Ahli”** maknanya ahli kepada PPK, PPN dan NAFAS.
- d) **“Jawatankuasa Tabung”** maknanya Jawatankuasa Tabung Projek Pembangunan seperti yang diperihalkan dalam kaedah 11.
- e) **“LPP”** maknanya Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 110).

- f) **“PP”** maknanya Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- g) **“Peraturan”** maknanya Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983.
- h) **“Pendaftar”** maknanya Pendaftar Pertubuhan Peladang.
- i) **“Perlembagaan”** maknanya Perlembagaan Pertubuhan Peladang yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- j) **“Projek”** maknanya projek pembangunan termasuklah tanaman, ternakan, akuakultur, pusat khidmat sokongan dan pusat pemprosesan industri asas tani di bawah peruntukan projek Pembangunan LPP dan dilaksanakan oleh PP melalui kaedah korporat, usahasama PP/ahli, PP/usahawan, PP/swasta dan mini estet.
- k) **“Projek Korporat PP”** adalah “projek milik PP” dimana tanah atau tapak projek adalah milik PP atau yang disewa/pajak oleh PP. Pengurusan projek adalah di bawah PP sepenuhnya.
- l) **“Projek Usahasama PP/Usahawan/Ahli/Swasta”** adalah projek dimana PP memiliki tanah atau tapak yang disewa/pajak oleh PP. Projek dilaksanakan secara usahasama dengan perjanjian di mana kepentingan PP hendaklah tidak kurang 50%.

- m) **“Projek Mini Estet”** adalah model pengurusan penanaman, ternakan, dan akuakultur yang didaftarkan dan diuruskan melalui PP dibawah pengurusan berpusat. Tanah mesti menjadi milik ahli/individu/usahawan.
- n) **“Tabung”** maknanya Tabung Projek Pembangunan yang dipersetujui penubuhannya oleh Mesyuarat Agung Tahunan dan Pendaftar PP.

### 3. TUJUAN TABUNG

Tabung ini diwujudkan bertujuan untuk mengumpul dana dan sumbangan-sumbangan lain untuk membiayai projek pembangunan bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara.

### 4. SUMBER KEWANGAN

Diperolehi daripada sumber seperti berikut :-

- a) Agihan keuntungan projek;
- b) Sumbangan-sumbangan luar;
- c) Sumbangan daripada orang perseorangan/pihak kerajaan/swasta kepada tabung;
- d) Pembahagian keuntungan bersih tahunan dari kegiatan PP yang disumbangkan kepada tabung tertakluk kepada kelulusan Pendaftar;
- e) Faedah simpanan tabung; dan
- f) Lain-lain sumbangan yang sah dari segi undang-undang;

## 5. KAEDAH PELAKSANAAN

Keuntungan bersih tahunan projek hendaklah diagihkan berdasarkan kaedah berikut :

- a) Projek Korporat
  - i. 25% untuk Tabung Projek Pembangunan; dan
  - ii. 75% kepada PP
  
- b) Projek Usahasama PP/Usahawan/Ahli/Swasta
  - i. Minimum 15% untuk Tabung Projek Pembangunan; dan
  - ii. Baki 85% diagihkan kepada PP dan usahawan/ahli/swasta mengikut kadar yang dipersetujui dalam perjanjian
  
- c) Projek Mini Estet
  - i. 25% untuk Tabung Projek Pembangunan; dan
  - ii. 75% untuk PP

## 6. AKAUN DAN TATACARA PERAKAUNAN

Pertubuhan Peladang hendaklah membuka satu akaun bank yang berasingan bagi mengendalikan tabung ini. Tatacara Perakaunan Kaedah Tabung Projek Pembangunan ini adalah seperti di **Lampiran 1**.

## 7. PENGURUSAN DAN KEGUNAAN TABUNG

Tabung ini hendaklah digunakan bagi:-

- a) Menyediakan modal pusingan/kerja yang mencukupi untuk pelaksanaan pusingan seterusnya;
- b) Membiayai pembesaran projek sediaada;
- c) Membiayai kos penyelenggaraan projek sediaada;
- d) Membiayai kos-kos PMU (tuntutan perjalanan, pemantauan dan lain-lain kos projek);
- e) Membiayai kos latihan yang bersangkutan dengan projek yang di jalankan;
- f) Memastikan kelestarian projek; dan
- g) Membiayai perubahan jenis projek yang menggunakan infrastruktur sediaada setelah mendapat kelulusan bertulis dari LPP Ibu Pejabat.

## 8. CARTA ALIRAN PENGGUNAAN TABUNG

Carta Aliran Penggunaan Tabung adalah seperti di Lampiran 2.

## 9. TAHUN KEWANGAN

Tahun kewangan tabung ini adalah mengikut tahun kewangan PP bagi setiap tahun.

## **10. PERJANJIAN**

Perjanjian Usahasama antara PP dan ahli/usahawan/swasta adalah seperti di Lampiran 3.

## **11. PEMERIKSAAN KEPADA BUKU DAN REKOD PERAKAUNAN**

Ahli Jemaah Pengarah, Pegawai-Pegawai Audit Dalam PP dan Pegawai-Pegawai LPP yang diberi kuasa oleh Pendaftar, mempunyai hak untuk memeriksa dan membuat teguran mengenai buku dan rekod perakaunan tabung bagi memastikan penggunaan wang tabung diguna bagi tujuan yang diluluskan.

## **12. PELANTIKAN JAWATANKUASA TABUNG**

- a) Suatu Jawatankuasa Pengurusan Tabung yang dibentuk oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah PP hendaklah ditubuhkan dan dianggotai oleh tiga (3) orang AJP dimana salah seorang dari mereka hendaklah menjadi Pengerusi;
  
- a) Pengurus Besar hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa Tabung dan dibenarkan melantik urusetia dari kalangan Pengurus Bahagian berkenaan bagi membantu kerja-kerja Setiausaha Jawatankuasa Tabung.

### **13. KUASA-KUASA DAN TUGAS JAWATANKUASA TABUNG**

- a) Menimbang, menapis dan meluluskan setiap permohonan penggunaan tabung;
- b) Had kelulusan penggunaan tabung adalah bergantung kepada penurunan kuasa oleh AJP;
- c) Mesyuarat jawatankuasa tabung hendaklah diadakan berdasarkan keperluan; dan
- d) Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Tabung hendaklah melaporkan prestasi penggunaan tabung di dalam mesyuarat AJP.

### **14. PENGGANTUNGAN**

Dalam keadaan tertentu apabila tabung ini menghadapi masalah kewangan, maka Ahli Jemaah Pengarah PP hendaklah menggantung aktiviti tabung ini sehingga masalah kewangan itu dapat dipulih semula.

### **15. AUDIT**

Akaun Tabung ini hendaklah diaudit sebagai akaun Pertubuhan Peladang bagi setiap tahun kewangan kecuali projek usaha sama yang diaudit secara berasingan.

## 16. PERTIKAIAN

Sebarang pertikaian yang melibatkan ahli PP hendaklah dirujuk kepada Pendaftar PP yang akan membuat keputusan berdasarkan Seksyen 17(2) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109). Keputusan Pendaftar adalah muktamad.

## 17. PEMBUBARAN

Ahli Jemaah Pengarah PP boleh mengusulkan pembubaran tabung ini sekiranya terdapat perkara-perkara yang munasabah untuk berbuat demikian tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung PP dan Pendaftar PP.

**Disahkan oleh**

\_\_\_\_\_  
( )  
Pengerusi Jemaah Pengarah  
Pertubuhan Peladang

\_\_\_\_\_  
( )  
Jemaah Pengarah  
Pertubuhan Peladang

\_\_\_\_\_  
( )  
Jemaah Pengarah  
Pertubuhan Peladang

**Didaftarkan pada hari ini oleh**

\_\_\_\_\_  
( )  
Pendaftar Pertubuhan Peladang

**TATACARA PERAKAUNAN TABUNG PROJEK PEMBANGUNAN**

**1. TATACARA PERAKAUNAN**

**1.1** Menerima pakai tatacara perakaunan yang digariskan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2006: Tatacara Perakaunan, Penerimaan, Penyerahan, Penamatan dan Pelupusan Projek yang Mendapat Geran Kerajaan.

**1.2** Tatacara perakaunan merekod agihan keuntungan bersih tahunan:

a) Sekiranya projek dijalankan secara korporat dan mini estet

i) Mengakaunkan 25% daripada Keuntungan Bersih Projek ke dalam Tabung Projek Pembangunan

Debit	Keuntungan Bersih Projek	XXX
Kredit	Tabung Projek Pembangunan	XXX

ii) Penggunaan Tabung Projek Pembangunan

Debit	Tabung Projek Pembangunan	XXX
Kredit	Tunai/Bank	XXX

b) Sekiranya projek dijalankan secara usaha sama, penyata kewangan yang berasingan perlu disediakan mengikut tatacara perakaunan usaha sama yang ditetapkan dalam Manual Perakaunan Tahun 2006. Agihan keuntungan bersih projek direkod seperti berikut:

i) Mengakaunkan 15% daripada Keuntungan Bersih Projek ke dalam Tabung Projek Pembangunan

Debit	Keuntungan Bersih Projek	XXX
Kredit	Tabung Projek Pembangunan	XXX

- ii) Mengagihkan baki 85% daripada Keuntungan Bersih Projek kepada rakan usaha sama (ahli/usahawan/swasta) mengikut kadar yang dipersetujui dalam perjanjian:

Debit	Keuntungan Bersih Projek	XXX
Kredit	Akaun Semasa – PP (X%)	XXX
Kredit	Akaun Semasa – Rakan Usaha Sama (X%)	XXX

- iii) Penggunaan Tabung Projek Pembangunan

Debit	Tabung Projek	XXX
Kredit	Tunai/Bank	XXX

## 2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN

### 2.1 Projek Korporat / Mini Estet

#### a) Penyata Pendapatan

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XYZ  
PENYATA PENDAPATAN PROJEK ..... BAGI  
TAHUN KEWANGAN BERAKHIR .....

	<u>RM</u>
Pendapatan	XXX
Kurang: Perbelanjaan	XXX
	-----
Keuntungan Bersih Sebelum Peruntukan	XXX
Kurang: Peruntukan 25% ke dalam Tabung Projek Pembangunan	XXX
	-----
Keuntungan Bersih Selepas Peruntukan	XXX
	-----

**b) Kunci Kira-Kira**

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XYZ  
KUNCI KIRA-KIRA BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

	<u>RM</u>
Kumpulanwang Tertentu	XXX
Tabung Projek Pembangunan	XXX

**2.2 Projek Usaha Sama**

**a) Penyata Pendapatan**

PROJEK USAHA SAMA .....  
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XYZ  
PENYATA PENDAPATAN PROJEK USAHA SAMA .....  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR .....


	<u>RM</u>
Pendapatan	XXX
Kurang: Perbelanjaan	XXX
	-----
Keuntungan Bersih Sebelum Peruntukan	XXX
Kurang: Peruntukan 15% ke dalam Tabung Projek Pembangunan	XXX
	-----
Keuntungan Bersih Selepas Peruntukan	XXX
Kurang: Agihan Kepada Rakan Usaha Sama	
- PP (X%)	XXX
- Rakan Usaha Sama (X%)	XXX
	-----
Keuntungan Bersih Selepas Agihan	-
	-----

**b) Kunci Kira-Kira**

PROJEK USAHASAMA .....  
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN XYZ  
KUNCI KIRA-KIRA BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR .....

	RM
Liabiliti Semasa:	
Akaun Semasa - PP	XXX
Akaun Semasa - Rakan Usaha Sama	XXX
 Kumpulanwang Tertentu	
Tabung Projek Pembangunan	XXX

**CARTA ALIRAN PENGGUNAAN TABUNG PROJEK PEMBANGUNAN**



**PERJANJIAN USAHASAMA PP ...../AHLI/USAHAWAN/SWASTA**

PERJANJIAN INI DIBUAT pada ..... haribulan ..... tahun .....

**ANTARA**

PERTUBUHAN PELADANG ..... (No. Pendaftaran: ..... )  
sebuah Pertubuhan yang ditubuhkan di bawah **AKTA PERTUBUHAN  
PELADANG 1973 (AKTA 109)** yang beralamat di

.....  
(selepas ini disebut "**PP**") di satu pihak

**DAN**

.....Nombor kad pengenalan/nombor pendaftaran  
syarikat\* ..... beralamat .....  
(selepas ini disebut "**PENGUSAHA**") di pihak yang satu lagi.

**BAHAWASANYA:-**

- A. PP memiliki sebidang tanah yang dikenali sebagai No. Hakmilik  
.....yang beralamat di .....  
(selepas ini disebut "Tanah tersebut").
- B. **PENGUSAHA** mempunyai kepakaran dan modal yang mencukupi  
bagi.....

- C. Kedua-dua pihak bersetuju mengadakan usahasama menjalankan PROJEK .....(selepas ini disebut "Projek tersebut") tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma di bawah ini.

**DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DISAKSIKAN SEPERTI BERIKUT:-**

**1. BALASAN**

- 1.1 Sebagai balasan kepada pihak-pihak dalam perjanjian ini dan tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma dalam perjanjian ini, pembahagian keuntungan bersih yang dipersetujui ialah ..... % milik PP dan ..... % milik PENGUSAHA.
- 1.2 Pembahagian keuntungan bersih yang boleh diagihkan seperti Fasal 1.1 adalah setelah ditolak sumbangan 25% kepada tabung projek.
- 1.3 Sekiranya projek tersebut mengalami kerugian maka tiada sebarang agihan seperti Fasal 1.1.
- 1.4 Sekiranya projek ditamatkan PENGUSAHA tidak berhak untuk menuntut apa-apa peruntukan dari tabung projek.

**2. TEMPOH PERJANJIAN**

- 2.1 Perjanjian ini hendaklah berkuatkuasa selama ..... tahun bermula pada ..... sehingga ..... dan boleh dilanjutkan sehingga suatu tempoh yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak.

- 2.2 PP dan PENGUSAHA bersetuju perjanjian ini akan dikaji (disemak) selepas dua (2) tahun dari tarikh perjanjian ini ditandatangani.
- 2.3 Perjanjian ini boleh ditamatkan bila-bila masa dengan satu pihak mengemukakan tiga (3) bulan notis kepada satu pihak yang satu lagi.

### **3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PP**

PP mengakujaji PENGUSAHA seperti berikut:-

- 3.1 Menyediakan Kertas Kerja yang antara lain menunjukkan Dayamaju Projek tersebut, cadangan Kaedah serta Jadual Pelaksanaan dan Aspek Kewangan serta Jangkaan Keuntungan.
- 3.2 Merancang, melaksana, menyelia dan memantau projek tersebut.
- 3.3 Menyimpan rekod-rekod kewangan yang berkaitan dengan projek tersebut.

### **4. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA**

PENGUSAHA mengakujaji PP seperti berikut:-

- 4.1 Menyediakan segala modal operasi yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut.
- 4.2 Mengurus dan menyelia projek tersebut dari semasa ke semasa.

- 4.3 Memaklumkan kepada PP perkembangan projek tersebut dari semasa ke semasa.
- 4.4 Membenarkan PP atau Wakilnya memasuki kawasan projek tersebut pada waktu dan masa yang munasabah bagi tujuan melawat, memeriksa dan menilai pelaksanaan projek tersebut.
- 4.5 Membenarkan PP atau wakilnya memeriksa rekod-rekod kewangan pada waktu dan masa yang munasabah bagi tujuan menilai rekod perbelanjaan dan pendapatan projek tersebut.
- 4.6 Membentangkan Laporan Kewangan keseluruhan projek tersebut setelah semua hasil habis dijual atau di atas permintaan PP dari semasa ke semasa.
- 4.7 Membantu PP dalam mendapatkan ruang-ruang pemasaran sekiranya diminta oleh PP.
- 4.8 Tidak menarik diri dari Projek tersebut atau menarik keluar modal operasi yang telah dilaburkan dalam projek tersebut.
- 4.9 Tidak dengan sengaja mengganggu segala urusan pelaksanaan projek tersebut selagi PP mematuhi perjanjian ini.

## **5. JAWATANKUASA PENGURUSAN**

- 5.1 Satu Jawatankuasa Pengurusan hendaklah ditubuhkan selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh perjanjian ini bagi tujuan menyelia, memantau dan menilai kemajuan projek tersebut dari semasa ke semasa.
- 5.2 Jawatankuasa di atas hendaklah terdiri dari tiga (3) orang Ahli Jemaah Pengarah PP dan dua (2) orang wakil PENGUSAHA.
- a. Pengerusi Jawatankuasa ini hendaklah dari PP.
  - b. Pengurus Besar hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa ini.
  - c. Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat pada bila-bila masa mengikut keperluan.

## **6 AKAUN PROJEK**

- 6.1 Satu Akaun Bank (Semasa) projek tersebut hendaklah dibuka dengan mana-mana Bank berdaftar.
- 6.2 Tandatangan cek bagi Akaun ini adalah terdiri dari tiga (3) penama iaitu Pengerusi PP, Pengurus Besar PP dan PENGUSAHA
- 6.3 PP hendaklah menguruskan perakaunan projek ini dan menyediakan suatu Laporan Kewangan bulanan bagi projek tersebut.

## **7. AUDIT**

Akaun usahasama ini hendaklah diaudit secara berasingan bagi setiap tahun kewangan. Tahun kewangan usahasama ini adalah mengikut tahun kewangan PP bagi setiap tahun.

## **8. KERUGIAN**

Kedua-dua pihak bersetuju sekiranya terjadi kerugian akibat kuasa-kuasa atau harga pasaran yang rendah atau perkara-perkara yang tidak terjangka, kerugian hendaklah ditanggung berdasarkan kadar pembahagian keuntungan bersih di Fasal 1.

## **9. FORCE MAJEURE**

Kedua-dua pihak mengakujaji tidak menamakan antara satu sama lain dalam apa-apa Tindakan Mahkamah jika berlaku kerugian yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan atau *force majeure* yang menyebabkan kegagalan mana-mana pihak melaksanakan perjanjian ini.

## **10. PERTIKAIAN**

Jika terdapat apa-apa pertikaian dalam melaksanakan perjanjian ini atau fasal-fasal di dalamnya atau yang berkaitan dalam melaksanakan projek tersebut kedua-dua pihak hendaklah menyelesaikannya melalui perundingan. Jika masih gagal diselesaikan, kedua-dua pihak hendaklah merujuk kepada penimbangtara di bawah Seksyen 17 Akta Pertubuhan Peladang 1973 ( Akta 109).

## **11. MASA**

Masa di mana jua disebut dalam perjanjian ini adalah intipati kepada perjanjian ini.

## **12. NOTIS**

Apa-apa notis yang dikehendaki dalam perjanjian ini hendaklah diserahkan kepada pihak masing-masing dan hendaklah dibuat secara bertulis dan diserahkan secara penyerahan kediri atau secara Pos Berdaftar dialamatkan ke alamat masing-masing seperti di permulaan perjanjian ini.

## **13. CUKAI**

Setiap pihak dalam perjanjian ini hendaklah masing-masing bertanggungjawab membayar segala cukai yang kena dibayar dan ditetapkan oleh undang-undang ke atas pendapatan atau keuntungan masing-masing.

## **14. PERJANJIAN INI BUKAN PERKONGSIAN**

Perjanjian ini bukan bertujuan menubuhkan Perkongsian dan tiada apa-apa terma yang bertujuan mewujudkan atau dianggap mewujudkan Perkongsian dalam perjanjian ini. Setiap pihak dalam perjanjian ini bukan wakil atau ejen kepada pihak yang satu lagi.

## **15. LARANGAN PENYERAHAN HAK**

15.1 Setiap pihak dalam perjanjian ini TIDAK BOLEH menyerahhkan apa-apa hak atau tanggungjawab masing-masing melainkan dengan kebenaran bertulis pihak yang satu lagi melainkan Penyerahan Hak itu dibuat kepada Anak Syarikat atau kepada Syarikat Pemegangan yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965.

15.2 Jika berlaku Penyerahan Hak yang dibenarkan dalam Fasal 15, Penerima Hak tersebut hendaklah terikat dengan hak dan tanggungjawab Penyerah Hak yang tercatat dalam perjanjian ini.

## **16. KOS PERJANJIAN**

Kedua-dua pihak hendaklah sama-sama membayar kos duti setem dan lain-lain kos menyediakan perjanjian ini.

## **17. PERLAKSANAAN SPESIFIK**

Setiap pihak berhak mendapatkan remedi bagi pelaksanaan spesifik ke atas satu sama lain yang bertujuan untuk menguatkuasakan hak dan tanggungjawab masing-masing dalam perjanjian ini.

... RUANGAN DI BAWAH INI SENGAJA DIKOSONGKAN...

SEBAGAI MEMPERAKUKAN DAN MENYAKSIKAN perjanjian ini kedua-dua pihak menurunkan tandatangan masing-masing pada tarikh yang tercatat di awal perjanjian ini.

DITANDATANGANI oleh )  
dan bagi pihak PP )

(NAMA : )  
Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah  
PP.....

.....  
(NAMA : )  
Ahli Jemaah Pengarah  
PP.....

.....  
(NAMA : )  
Ahli Jemaah Pengarah  
PP.....

Dihadapan : )  
Nama : )  
No. KP )

DITANDATANGANI oleh )  
Dan bagi pihak PENGUSAHA )

Dihadapan : )  
Nama : )  
No. KP )